

Kesan Kemasukan Modal Asing Dan Jumlah Penduduk Terhadap Pertumbuhan Ekonomi Malaysia

Mohamad Anuardi Hajani
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
Universiti Kebangsaan Malaysia
E-mail: anuardi@yahoo.com

ABSTRAK

Ekonomi Malaysia berkembang kukuh seiring dengan pertambahan jumlah penduduk dan kemasukan modal asing ke negara ini. Pertumbuhan yang memberansangkan ini disumbang oleh pelbagai inisiatif yang dilaksanakan oleh Kerajaan bagi mencapai status negara maju menjelang 2020. Berikutan itu, bagi melihat kesan daripada aliran masuk modal asing dan pertambahan jumlah penduduk terhadap pertumbuhan ekonomi Malaysia, maka kajian ini dilaksanakan. Kajian ini menggunakan data siri masa selama 30 tahun iaitu dari tahun 1981 hingga 2010 dan teknik yang digunakan ialah *ordinary least squares* selain ujian statistik dan ujian andaian klasik. Hasil kajian mendapati bahawa pelaburan langsung asing dan jumlah penduduk sememangnya memberi pengaruh yang signifikan terhadap pertumbuhan KDNK. Pertambahan jumlah penduduk dilihat memberi kesan positif dan paling dominan terhadap pertumbuhan. Oleh itu, perancangan dasar yang pro-perniagaan dalam menarik pelaburan asing selain meningkatkan kemahiran penduduk secara berterusan perlu terus dilaksanakan bagi mencapai Wawasan 2020.

Kata Kunci: Keluaran Dalam Negara Kasar, Pelaburan Langsung Asing, Pertumbuhan Ekonomi, Pembangunan Ekonomi, Jumlah Penduduk.

ABSTRACT

The Malaysian economy recorded an impressive growth performance in line with an increase in population and inflows of foreign direct investment. This notable growth was contributed by various initiatives implemented by Malaysian Government to achieve developed economies status by 2020. Therefore, this research was conducted to analyze the impacts of foreign direct investment and population growth in relation to Malaysia's economic growth performance. This paper analyzes time-series data over a period of 1981 to 2010 using ordinary least squares technique, and using several statistical tests including classical estimation tests. Empirically, the regression results showed that the foreign direct investment and population contributed significantly to the Malaysia's GDP growth with population growth as the most dominant determinants. Accordingly, pro-business policies formulation to attract foreign direct investment and continuous efforts to enhance human capital must be consistently implemented in order to realize Vision 2020.

Keywords: Gross Domestic Product, Foreign Direct Investment, Economic Growth, Economic Development, Total Population.

PENGENALAN

Pertumbuhan ekonomi merupakan petunjuk penting untuk menganalisis pembangunan ekonomi di sesebuah negara yang diukur dari perbezaan keluaran dalam negeri kasar (KDNK) tahun tertentu dengan tahun sebelumnya. Usaha pembangunan ekonomi bertujuan mencapai kemakmuran bersama atau kebajikan sosial serta menghapuskan kemiskinan. Ia bermakna terdapat satu proses pembangunan melibatkan pertumbuhan ekonomi diikuti oleh perubahan dari aspek struktur ekonomi iaitu dari pertanian ke perindustrian atau perkhidmatan, pembaharuan dalam pentadbiran negara, sistem perundangan yang lapuk mahupun perubahan dalam pemerintahan itu sendiri (Mudrajad Kuncoro 2006). Dalam analisis makroekonomi, umumnya terdapat ekonomi yang mengalami pertumbuhan yang lebih lambat daripada tingkat pertumbuhan yang berpotensi untuk dicapainya (Mudrajad Kuncoro 2004). Tambunan (2001) menyatakan di peringkat awal pembangunan ekonomi sesebuah negara, pemerintah akan melaksanakan rancangan pembangunan ekonomi berorientasikan kepada masalah

pertumbuhan ekonomi agar program pembangunan ekonomi dapat direalisasikan seperti yang dirancang.

Pembangunan ekonomi bermakna peningkatan yang terus-menerus pada KDNK sesebuah negara (Jhingan 2000) dalam tempoh masa tertentu. Pelbagai dasar ekonomi telah diperkenalkan oleh Malaysia sejak kemerdekaan pada 31 Ogos 1957 termasuk Dasar Ekonomi Baru, Dasar Pembangunan Nasional, Dasar Pandang ke Timur bertujuan memperkasakan ekonomi Malaysia. Selain dasar ini, strategi bagi menarik pelaburan langsung asing, liberalisasi perdagangan melalui *Free Trade Agreements* (RMKe-10; pp 104), serta dasar fiskal dan kewangan yang akomodatif dilihat berperanan penting dalam usaha mencapai status negara maju menjelang 2020. Selain KDNK, pertumbuhan jumlah penduduk juga dilihat sebagai menyumbang secara positif kepada perkembangan sektor domestik di sesebuah negara melalui perbelanjaan pengguna dan pelaburan swasta. Hal ini dapat dilihat melalui dasar fiskal Kerajaan Malaysia melalui dua pakej rangsangan ekonomi¹ bagi merancakkan ekonomi domestik berikutan krisis kewangan global pada pertengahan tahun 2007.

Pada 28 Februari 1992 di Kuala Lumpur, YAB Tun Dr. Mahathir Mohamad mengumumkan Wawasan 2020 dengan menggariskan sembilan aspek utama yang ingin dicapai oleh Malaysia menjelang tahun 2020. Antara matlamat yang ingin dicapai oleh Malaysia ialah ke arah negara berpendapatan tinggi dengan KDNK sebanyak RM920 bilion menjelang tahun 2020 (Yusuf 2008). Beliau juga memperkenalkan Dasar Kependudukan Ke Arah 70 juta penduduk di Malaysia untuk tempoh 115 tahun hingga 120 tahun akan datang semasa Perhimpunan Agung UMNO pada 10 September 1982 (Yusuf 2008). Pelan ini bertujuan meningkatkan keupayaan ekonomi negara dengan menekankan kepentingan penduduk atau manusia sebagai sumber dalam proses pembangunan negara selain daripada sumber semulajadi seperti tanah, galian, hasil perhutanan, perikanan dan lain-lain. Antara lain, ia merupakan strategi negara untuk meningkatkan permintaan domestik terhadap barangan dan perkhidmatan agar tidak hanya bergantung kepada pasaran eksport atau perdagangan antarabangsa selain meningkatkan bekalan tenaga buruh dan perluasan pasaran.

Berikutan pentingnya pelaburan langsung asing, pertumbuhan ekonomi dan jumlah penduduk dalam pembangunan ekonomi Malaysia, maka kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti pengaruh kedua-dua faktor ini dalam pertumbuhan ekonomi Malaysia serta mencadangkan beberapa implikasi dasar yang bersesuaian dengan analisis data dan keputusan kajian yang diperolehi. Data yang digunakan dalam penelitian ini adalah data sekunder, berupa data siri masa tahunan selama 30 tahun dari tahun 1981 hingga 2010. Sumber data adalah daripada *International Financial Statistics Yearbook*, UNCTAD Stats, Jabatan Perangkaan Malaysia, dan Laporan Ekonomi Kementerian Kewangan Malaysia.

KAJIAN LEPAS

Pembentukan modal, sumber manusia dan sumber modal *overhead* sosial atau modal infrastruktur merupakan faktor yang boleh menggalakkan pertumbuhan ekonomi (Norlida et al. 2010). Seperti yang dikatakan oleh Pitelis (1991), pelaburan asing sangat diperlukan untuk mempercepatkan pembangunan ekonomi di sesebuah negara. Modal asing boleh membantu proses industrialisasi, menyumbang modal overhead di dalam ekonomi dan mewujudkan peluang kerja yang lebih luas. Begitu pula menurut Solow (1988) pertumbuhan populasi membantu menjelaskan pertumbuhan ekonomi yang berterusan. Dalam keadaan *steady-state* dengan pertumbuhan populasi, modal per pekerja dan output per pekerja adalah konstan. Teori pertumbuhan ekonomi didefinisikan sebagai penjelasan mengenai faktor-faktor yang menentukan kenaikan output per kapita dalam jangka panjang dan penjelasan mengenai interaksi faktor-faktor tersebut antara satu sama lain sehingga berlaku proses pertumbuhan (Boediono 1985). Berdasarkan kajian lepas, banyak penyelidikan yang telah dilakukan bagi melihat faktor yang mempengaruhi pertumbuhan ekonomi sesebuah negara. Faktor yang dikenal pasti menunjukkan bahawa sesebuah ekonomi yang ingin berkembang memerlukan dasar yang tepat dalam memastikan objektif pertumbuhan, khususnya KDNK dapat dicapai.

Jorge & Paulo (2009) menjalankan kajian ke atas hubungan penyebab di antara eksport, aliran masuk pelaburan langsung asing dan pertumbuhan ekonomi di Portugal menggunakan kaedah ujian unit root, kointegrasi dan ujian penyebab dari tahun 1977 hingga 2004. Hasil kajian mendapati eksport dan pelaburan langsung asing menggalakkan pertumbuhan dalam jangka masa panjang sementara bi-directional causal relationship di antara pelaburan langsung asing dan pertumbuhan bagi jangka masa panjang. Pelaburan langsung asing dilihat sebagai penentu utama pertumbuhan ekonomi secara langsung dan tidak langsung bagi ekonomi Portugal khususnya melalui eksport.

¹ PRE 1 bernilai RM7 billion dilancarkan pada 4 November 2008, manakala PRE 2 bernilai RM 60 bilion dilancarkan pada 10 Mac 2009, Laporan Ekonomi 2009/10

Metwally (2004) membangunkan model persamaan serentak bagi mengkaji interaksi antara pelaburan langsung asing, eksport dan pertumbuhan ekonomi di tiga buah negara di Timur Tengah. Negara yang terlibat dalam kajian ialah Egypt, Jordan dan Oman. Kajian mendapati kebanyakan pelaburan langsung asing dalam negara yang dikaji bersumberkan kemasukan modal asing dari Kesatuan Eropah. Ujian regresi membuktikan bahawa perbezaan kadar faedah mempunyai kesan yang sangat kuat berbanding pertumbuhan ekonomi, khususnya bagi pelaburan langsung asing yang diperolehi oleh Egypt. Walaubagaimanapun, kadar bunga dilihat tidak memainkan peranan yang signifikan bagi kes negara Oman. Model persamaan serentak yang dibuat mendapati terdapat kesan berbalas (*feedback*) bagi hubungan pertumbuhan ekonomi dan aliran masuk modal di ketiga-tiga negara. Kemasukan aliran masuk modal asing yang banyak telah memacu pertumbuhan dalam eksport barangan dan perkhidmatan. Pengembangan dalam eksport menjadi peneraju bagi pertumbuhan dalam keluaran negara kasar dan secara timbal balas ia menggalakkan kemasukan lebih banyak lagi modal asing ke dalam negara yang di kaji.

Joseph et al. (2011) menjalankan penyelidikan ke atas peranan pelaburan langsung asing dan kaitannya dengan pengecutan ekonomi dan pemulihan ekonomi. Kajian ini dibuat setelah mendapati terlalu banyak kajian yang dijalankan lebih kepada kesan pelaburan langsung asing ke atas pembangunan ekonomi negara hos tetapi sebaliknya tidak melihat kepada pelaburan langsung asing ketika ekonomi tidak berkembang atau sedang dalam proses pemulihan. Kajian menggunakan teori yang menganggarkan bahawa pelaburan langsung asing mempunyai kesan penstabil ke atas sesebuah negara ketika ekonominya berada dalam krisis dan sewaktu ia mengalami proses pemulihan. Beberapa hipotesis digunakan dan diuji menggunakan data yang dikumpulkan di negara yang berhadapan dan terkesan dengan krisis kewangan Asia selain menggunakan *fixed-effect panel regression analysis*. Kajian mendapati aliran masuk dan keluar pelaburan langsung asing menstabilkan pertumbuhan sesebuah ekonomi semasa krisis kewangan tersebut. Negara yang mempunyai kadar pelaburan langsung asing yang amat tinggi sebelum krisis berhadapan dengan kelembapan ekonomi yang agak sederhana dan kadar pemulihan yang juga lebih perlahan. Kesan penstabil ini didapati lebih robust bagi stok pelaburan langsung asing berbanding aliran pelaburan langsung asing. Dapatan ini mengesahkan bahawa dalam situasi sesebuah negara yang berhadapan krisis, pelaburan langsung asing akan menjadi penstabil kepada ekonomi sesebuah negara dan bukannya bertindak sebagai pemacu kepada pertumbuhan sesebuah ekonomi. Kajian ini bertentangan dengan pendapat umum bahawa pelaburan langsung asing akan mempercepatkan aktiviti ekonomi sewaktu krisis berbanding sebagai penstabil ekonomi seperti yang didapati dalam kajian ini. Kajian ini memberi maklumat yang penting kepada penggubal dasar dan masyarakat agar lebih menetapkan ekspektasi yang lebih realistik berhubung impak pelaburan langsung asing ke atas pertumbuhan ekonomi.

Dierk Herzer (2010) menjalankan penyelidikan bagi menyelidik impak aliran keluar pelaburan langsung asing ke atas pertumbuhan ekonomi di 50 buah negara termasuk Amerika Syarikat. Beliau menggunakan data 50 buah negara dengan menggunakan kaedah *cross-country regression* manakala kaedah anggaran siri masa ke atas data siri masa bagi Amerika Syarikat. Berdasarkan kedua-dua kaedah ekonometrik yang digunakan, aliran keluar pelaburan langsung asing adalah berhubungungan secara positif dengan pertumbuhan ekonomi. Ujian Granger yang dijalankan ke atas data siri masa Amerika Syarikat menunjukkan *causality bidirectional* iaitu peningkatan aliran keluar pelaburan langsung asing adalah disebabkan oleh dan menyebabkan juga peningkatan output domestik.

Chen & Wu (2005) menjalankan kajian secara empirikal ke atas faktor-faktor yang mempengaruhi pertumbuhan ekonomi di wilayah-wilayah China sewaktu proses mentransformasikan institusi dan menguji sama ada jurang pertumbuhan ekonomi di antara wilayah di China adalah semakin melebar atau rapat. Kajian menggunakan *pooled cross-section* antara wilayah dan data siri masa. Kaedah *error component* juga digunakan untuk tujuan pengujian empirikal. Model *error component* menunjukkan dalam tempoh 1988 hingga 1998, terdapat kecenderungan ke arah *divergence* pertumbuhan ekonomi yang dicapai oleh wilayah di China dengan pembolehubah seperti populasi yang bekerja, perubahan dalam hak cipta, dan pelaburan langsung asing. Kesemuanya menunjukkan bahawa terdapat impak yang positif ke atas pertumbuhan ekonomi di wilayah China yang dikaji. Pengkaji berpendapat bahawa kejayaan transformasi institusi yang dilaksanakan oleh China dalam membina sistem yang efisien adalah bergantung kepada inovasi khususnya yang berkait rapat dengan peranan akumulasi dan transmisi dalam ilmu pengetahuan.

Rusdy (2006) menjalankan kajian ke atas pemikiran baru bagaimana sesebuah negara sedang membangun boleh mendapat faedah daripada globalisasi. Beliau membuat penilaian, menganalisis dan membuat kritikan ke atas bahan yang bercetak yang mengandungi pelbagai idea dan perdebatan berkaitan globalisasi di negara sedang membangun. Kajian beliau mengambil beberapa kajian kes kajian sebagai contoh dan bukti daripada negara-negara sedang membangun, khususnya Indonesia. Kajian mendapati globalisasi memberi banyak manfaat kepada kebanyakan negara perindustrian atau

syarikat multinasional (MNCs) yang beroperasi di negara sedang membangun. Globalisasi juga akan membawa kepada kemakmuran kepada negara sedang membangun jika negara perindustrian dan MNC tersebut sanggup menerima pakai kod etika, yang membenarkan keuntungan yang diperolehi agar diharmonisasikan dengan kepentingan negara sedang membangun. Pengkaji berpendapat peraturan global sepatutnya berubah dan berpihak kepada negara sedang membangun.

Palamalai et al. (2011) membuat kajian *causal* di antara pelaburan langsung asing dan pertumbuhan ekonomi di negara SAARC². Ujian kointegrasi Johansen digunakan bagi menguji hubungan jangka panjang di antara pelaburan langsung asing dan pertumbuhan ekonomi di negara SAARC. *Vector Error Correction Model (VECM)* juga dibuat untuk menguji *causal relationship* di antara pelaburan langsung asing dan pertumbuhan ekonomi di SAARC bagi tempoh 1970-2007. Impulse Response Function (IRF) dibuat untuk menyelidik log siri masa pelaburan langsung asing (LFDI) bertindak balas kepada kejutan (*shock*) satu unit ke atas log KDNK dan sebaliknya. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat hubungan jangka panjang di antara pelaburan langsung asing dan KDNK bagi negara SAARC seperti Bangladesh, India, Maldives, Nepal, Pakistan dan Sri Lanka. Keputusan empirikal VECM menunjukkan hubungan jangka panjang adalah *bidirectional causal* di antara KDNK dan pelaburan langsung asing bagi negara SAARC terpilih melainkan India. Negara India sebaliknya menunjukkan terdapat hubungan penyebab sehalu dari KDNK ke atas pelaburan langsung asing. Berdasarkan kajian tersebut, pengkaji menyarankan agar negara SAARC sepatutnya menggunakan dasar polisi yang lebih berkesan yang akan mengembangkan dan mempelbagaikan ekonomi, menambahbaik kemahiran tempatan dan menambah modal insan. Selain itu, liberalisasi dalam pasaran dan kestabilan ekonomi perlu dipertingkatkan supaya negara SAARC mendapat manfaat jangka panjang berikutan aliran masuk modal asing. Kajian ini dilihat amat bersesuaian untuk penggubal dasar di negara SAARC dalam merencanakan dasar pelaburan langsung asing yang akan merencanakan pertumbuhan dan pembangunan di negara yang berkaitan.

Parikshit (2007) menjalankan kajian perbandingan strategi pembangunan dan pencapaian antara India dan China bagi tempoh 50 tahun. Kajian juga menganalisa cabaran yang dihadapi oleh kedua-dua negara sekiranya tren pembangunan yang dihadapi kekal berterusan. Kertas kajian menilai strategi pertumbuhan yang dilaksanakan oleh kedua-dua negara. Perubahan dalam pendekatan yang diguna pakai, pencapaian dan kegagalan akan dianalisis menggunakan bahan yang diperolehi dari kajian lepas dan data sekunder. Impak pembaharuan ekonomi dan keupayaan pengurusan dalam sesebuah ekonomi akan dinilai. Analisis kritikal kajian ini ialah pendekatan utama dalam kajian ini. Dapatan kajian menunjukkan berdasarkan pengalaman pertumbuhan ekonomi dengan pembaharuan dan pembukaan ekonomi, India boleh mempelajari sesuatu dari China. Negara China menunjukkan prestasi yang lebih baik berdasarkan polisi investment-driven dan polisi berorientasikan eksport yang mungkin tidak mapan dalam jangka masa panjang. Setakat ini, isu sosio-politik yang mempunyai kesan serius pada masa depan sering diabaikan. Pertumbuhan ekonomi di India yang agak perlahan adalah berdasarkan kepada asas sosio-ekonomi yang lebih kuat di negara tersebut. Kerjasama ekonomi yang baik di antara India dan China dengan kuasa global dan serantau yang lain sepatutnya boleh memberi masa depan yang lebih baik kepada kedua-dua negara.

Yijun et al. (2010) menggunakan panel data dari 81 buah negara antara tahun 2002 dan 2006 bagi menyelidik impak saiz sesebuah kerajaan ke atas pelaburan langsung asing. Kajian juga membuktikan terdapat hubungan korelasi secara positif antara saiz kerajaan dan pelaburan langsung asing dan hubungannya adalah lebih kuat di negara sedang membangun. Analisis yang dibuat menunjukkan bahawa pertambahan saiz sesebuah kerajaan akan meningkatkan pelaburan langsung asing khususnya bagi negara yang kurang membangun. Oleh yang demikian, Kerajaan perlu mengembangkan perbelanjaan, membina infrastruktur yang akan menarik pelabur asing untuk melabur di negara tersebut. Pembinaan infrastruktur boleh meningkatkan produktiviti sektor swasta dengan segera dan pelabur asing amat mengambil perhatian terhadap perkara ini. Kesan keseluruhan saiz sesebuah Kerajaan juga perlu mengambil kira banyak aspek yang lain dan ianya perlu diambil berat oleh sesebuah kerajaan. Lebih-lebih lagi apabila saiz pasaran juga memainkan peranan yang amat penting dalam menarik pelaburan langsung asing. Saiz pasaran yang besar adalah baik bagi mendapat ekonomi bidangan yang akan dapat mengurangkan kos dan seterusnya meningkatkan keuntungan. Kajian juga menunjukkan bahawa persekitaran perundangan yang baik juga amat penting kepada pelaburan langsung asing. Ini kerana pelabur asing memerlukan perlindungan keatas kepentingan mereka dan mengurangkan risiko pelaburan melalui kewujudan sistem perundangan yang berkesan.

Shelby (2007) menimbulkan persoalan sama ada pertumbuhan ekonomi adalah disebabkan oleh pertambahan pelaburan atau adakah ia berpunca dari proses persaingan yang dinamik seperti yang dijangka oleh R-A teori. Bukti empirikal menunjukkan pertumbuhan ekonomi adalah disebabkan oleh

² Bangladesh, India, Maldives, Nepal, Pakistan and Sri Lanka

persaingan yang dinamik. Implikasi dasar yang penting ialah sesebuah ekonomi yang ingin mendapatkan pertumbuhan tidak sepatutnya fokus kepada peningkatan pelaburan semata-mata. Sebaliknya, fokus yang penting ialah kepada institusi yang mementingkan kebebasan pasaran dan persekitaran persaingan yang dinamik. Menurut Shelby (2007), kebergantungan dan fokus oleh ekonomi-ekonomi utama yang melihat persaingan sebagai keseimbangan yang statik merupakan sesuatu yang kurang tepat. Ini kerana, menurut beliau, secara keseluruhannya, R-A teori yang mengutamakan persaingan dinamik adalah merupakan bidang yang lebih berfaedah untuk dibincangkan oleh penggubal dasar berbanding analisis keseimbangan statik.

Zhao & Wang (2009), mengkaji pengalaman, corak dan transformasi struktur perdagangan di China selepas kemasukannya ke dalam *World Trade Organisation* (WTO) yang boleh dijadikan panduan dan pengajaran kepada negara sedang membangun yang lain. Kajian ini melihat kepada aspek dasar terkini yang berubah selepas kemasukan China ke WTO dan mengkaji isu pembangunan dan perdagangan bagi memahami kejayaan dan kelebihan China yang bermanfaat kepada penggubal dasar dan pembuat keputusan di negara sedang membangun. Terdapat dua penemuan penting iaitu, liberalisasi pasaran semata-mata tidak mencukupi dan pembaharuan sistem ekonomi dan liberalisasi adalah berhubungungan rapat dan saling melengkapi antara satu sama lain. Kedua, zon ekonomi eksklusif dan pembukaan pelaburan langsung asing akan menjadi fasilitator dan saling menyokong pembangunan secara kluster melalui kaedah *learning-by-doing* yang diperlukan untuk menambahbaik industri dan daya saing eksport. Walau bagaimanapun, China terpaksa membayar dengan harga yang tinggi khususnya apabila pembangunan pesat yang dicapai memberi kesan ke atas masalah sosial dan alam sekitar. Pengkaji menyarankan agar strategi pembangunan di negara sedang membangun adalah seimbang dan mapan bagi pembangunan masa depan.

Arindam & Pradip (2006) mengkaji kebergantungan populasi yang berumur dengan pertumbuhan ekonomi bagi negara Barbados. Dapatan kajian menunjukkan bahawa populasi yang berumur akan meningkatkan perbelanjaan kerajaan dan seterusnya akan menyebabkan defisit. Di satu sudut yang lain pula, ia akan meningkatkan tabungan swasta dan ekonomi juga akan mempunyai modal yang banyak. Kertas kajian ini menggunakan aliran pelaburan antarabangsa yang berfungsi sebagai asas pertumbuhan ekonomi dan demografi. Emigrasi yang juga merupakan sebahagian daripada asas demografi penduduk yang digunakan oleh pengkaji mungkin memberi kesan positif atau negatif ke atas pertumbuhan di Barbados. Kajian membuktikan bahawa aspek negatif mungkin melebihi aspek positif apabila ia meningkatkan nisbah kebergantungan dan mungkin perpindahan kemahiran ke arah tingkat pengeluaran yang lebih tinggi. Pengkaji mempersoalkan sama ada kebergantungan syarikat yang kecil ke atas pinjaman asing adalah konsisten dengan asas jangka panjang atau pun tidak.

Yunan (2009) membuat kajian mengenai faktor-faktor penentu pertumbuhan ekonomi di Indonesia. Metodologi kajian yang digunakan ialah metodologi *ordinary least square* dengan tahun kajian 1988-2007. Hasil kajian menunjukkan bahawa faktor kadar bunga, nilai eksport, pengeluaran sesebuah negara dan jumlah tenaga kerja adalah berpengaruh secara signifikan terhadap pertumbuhan ekonomi Indonesia pada kadar kepercayaan 99.0%. Secara berasingan, hasil analisis menunjukkan bahawa kredit perbankan, pengeluaran sesebuah negara dan jumlah tenaga kerja berpengaruh secara positif dan signifikan terhadap pertumbuhan ekonomi Indonesia. Hal ini bererti bahawa pertumbuhan ekonomi Indonesia akan semakin meningkat secara signifikan dengan meningkatnya kredit perbankan, pengeluaran pemerintah dan jumlah tenaga kerja. Sedangkan nilai eksport tidak berpengaruh secara signifikan terhadap pertumbuhan ekonomi.

Muhammad Azeem Qureshi (2009) menjalankan kajian ke atas pembangunan manusia dan pertumbuhan ekonomi kerana kedua-duanya dikenali umum sebagai penggerak negara ke arah pembangunan atau sebaliknya sebagai perangkap kemiskinan. Konsep ini diguna pakai oleh pengkaji dalam menyelesaikan kekangan dalam kajian lepas yang mengandaikan KDNK sebagai faktor (*exogenous*) luaran. Oleh itu, kajian seterusnya telah menjadikan KDNK sebagai faktor dalaman (*endogenous*) pula dan kesan perbelanjaan awam ke atas pembangunan sumber manusia dan pertumbuhan ekonomi dibuat dengan menjadikan Pakistan sebagai negara yang dikaji. Pendekatan sistem yang dinamik digunakan untuk model yang dibuat oleh pengkaji dengan menjadikan faktor KDNK sebagai penentu kepada laluan cohort populasi, pendidikan, kesihatan dan petunjuk ekonomi. Kajian mendapati bahawa perbelanjaan awam ke atas pembangunan manusia adalah sangat rendah di Pakistan dan sekiranya perbelanjaan terus berkurangan, maka ia akan memberikan impak negatif yang tidak berkesudahan kepada pembangunan manusia. Tetapi, sebaliknya jika perbelanjaan adalah tinggi ke atas pembangunan sumber manusia maka ia akan menjadi penggerak kepada peningkatan sumber manusia tetapi juga menggerakkan pertumbuhan ekonomi. Keputusan kajian adalah selaras dengan keputusan kajian lepas yang mencabar dasar fiskal oleh Pakistan yang secara berterusan mengabaikan pembangunan sumber manusia sejak berdekad lamanya. Kajian ini mencadangkan kepada kerajaan

Pakistan supaya dasar fiskal diorientasi semula dengan memperuntukkan lebih banyak sumber kewangan disalurkan untuk membangunkan sumber manusia.

Fatimah et al. (2010) menggunakan teknik ganda dua terkecil biasa untuk mengkaji kesan pelaburan asing dan perbelanjaan kerajaan ke atas pertumbuhan KDNK per kapita Malaysia dalam tempoh 1978-2005. Keputusan regresi yang diperolehi menunjukkan pertumbuhan eksport dan nisbah antara perbelanjaan kerajaan dengan KDNK merupakan penjana utama pertumbuhan ekonomi Malaysia. Pelaburan asing dan pertumbuhan pendapatan benar per kapita tahun lepas memberi kesan positif, manakala pertumbuhan penduduk memberi kesan negatif ke atas pertumbuhan ekonomi Malaysia.

Fumitaka Furuoka (2009) menjalankan kajian ke atas impak pertumbuhan populasi ke atas pertumbuhan ekonomi di Thailand. Menurut kajian yang dilakukan oleh beliau, terdapat dua aliran pemikiran berkaitan isu populasi dan pertumbuhan penduduk. Sesetengah kajian mengekalkan bahawa terdapat kesan negatif antara pertumbuhan populasi dan pertumbuhan ekonomi manakala sebahagian lagi berpendapat bahawa pertumbuhan populasi membawa kesan yang positif. Kajian beliau bertujuan memperkenalkan bukti terkini dengan menggunakan kaedah *bound test* bagi menganalisa hubungan jangka panjang antara pertumbuhan populasi dan pertumbuhan ekonomi di Thailand. Kajian beliau mendapati bahawa wujud *unidirectional causability* dari pertumbuhan populasi dan pembangunan ekonomi di Thailand. Ini bermakna pertumbuhan populasi di Thailand memberi impak yang positif kepada prestasi ekonomi di Thailand. Hasil dapatan kajian beliau menyokong hipotesis bahawa pertumbuhan populasi adalah penting dalam menggalakkan pembangunan ekonomi.

Kesimpulan yang dapat dibuat berdasarkan kepada kajian lepas ialah dapatan kajian Fatimah et al. (2010) mendapati pertumbuhan populasi memberi kesan negatif terhadap pertumbuhan ekonomi di Malaysia adalah tidak selari dengan dapatan kajian Fumitaka Furuoka (2009) yang membuktikan bahawa pertumbuhan populasi di Thailand adalah sebaliknya. Kesan negatif yang diperolehi oleh peningkatan populasi ialah dari aspek peningkatan perbelanjaan kerajaan (Arindam & Pradip 2006) khususnya dalam menyediakan prasarana pendidikan, kesihatan dan infrastruktur yang lebih baik. Walaubagaimanapun, Yijun et al. (2010) mendapati peningkatan dan pengembangan dalam saiz perbelanjaan sesebuah kerajaan pula akan memberi kesan yang positif terhadap kemasukan pelaburan langsung asing. Populasi yang meningkat juga perlukan kerajaan meningkatkan prasarana dan melaksanakan program meningkatkan kemahiran khususnya melalui pendidikan agar negara mempunyai tenaga buruh yang berkemahiran yang dapat memenuhi keperluan pasaran. Dalam hal ini, pertumbuhan populasi di sesebuah negara dilihat memberi kesan yang berbeza ke atas pertumbuhan ekonomi di sesebuah negara yang memerlukan Kerajaan melaksanakan dasar yang bersesuaian untuk memastikan pertumbuhan populasi itu memberi manfaat kepada pertumbuhan ekonomi di sesebuah negara.

Kajian lepas berkaitan pelaburan langsung asing dilihat menunjukkan kesan yang sama terhadap pertumbuhan ekonomi sesebuah negara. Kajian oleh Jorge & Paulo (2009), Joseph et al. (2011), Dierk Herzer (2010), dan Zhao & Wang (2009) mendapati terdapat hubungan secara positif antara pelaburan langsung asing dan pertumbuhan ekonomi dalam jangka masa panjang. Sehubungan itu, pelaburan langsung asing dilihat sebagai faktor yang amat mempengaruhi pertumbuhan sesebuah ekonomi khususnya melalui peningkatan liberalisasi perdagangan dan pengembangan eksport yang menjadi daya penarik kepada kemasukan pelaburan langsung asing. Tetapi, fokus sesebuah negara juga tidak seharusnya terlalu tertumpu kepada peningkatan pelaburan semata-mata tetapi apa yang lebih penting ialah keperluan dalam mencapai pasaran yang lebih bebas selain mewujudkan persekitaran persaingan yang dinamik. Kebergantungan sesebuah negara kepada pelaburan langsung asing juga dilihat boleh menjadi penstabil ketika ekonomi berhadapan dengan krisis tetapi bukannya sebagai pemacu utama kepada pertumbuhan sesebuah ekonomi (Joseph et al. 2011). Secara umumnya, sesebuah negara memerlukan modal asing bagi menggalakkan pertumbuhan ekonominya dan kemasukan modal asing amat diperlukan bagi mempercepatkan pertumbuhan dalam sektor strategik yang memerlukan modal yang amat besar.

Berdasarkan teori, kemasukan pelaburan langsung asing dan pertumbuhan populasi mempunyai hubungan erat dengan pertumbuhan ekonomi sesebuah negara, namun jenis hubungannya tidak dijelaskan lebih terperinci. Dari kajian lepas pula didapati bahawa terdapat banyak faktor yang mempengaruhi pertumbuhan ekonomi sesebuah Negara seperti kemasukan pelaburan langsung asing, inflasi, kadar bunga, keadaan ekonomi, eksport-import, perbelanjaan Kerajaan dan lain-lain. Daripada kajian teori dan kajian lepas jelaslah bahawa pembolehubah pelaburan langsung asing dan jumlah penduduk memiliki hubungan dengan KDNK per kapita, namun pada kajian lepas belum ada yang mengkaji secara khusus mengenai hubungan antara pelaburan langsung asing dan jumlah penduduk terhadap KDNK pada harga semasa. Meskipun hubungan pelaburan langsung asing dengan KDNK per kapita pernah dibuat kajian, namun pada kajian ini sebaliknya akan menggunakan data KDNK pada

harga semasa dengan data yang terkini selain mengkaji secara khusus pembolehubah pelaburan langsung asing dan populasi bagi tempoh 1981-2010. Oleh itu, kajian ini perlu dibuat untuk mengenal pasti hubungan antara pembolehubah pelaburan langsung asing (PLA) dan jumlah penduduk (POP) terhadap KDNK harga semasa.

DATA DAN METODOLOGI

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti kesan daripada kemasukan PLA dan POP terhadap pertumbuhan ekonomi di Malaysia. Metodologi yang digunakan dalam kajian ini adalah diambil dari Vio Achfuda Putra (2010) dan Fatimah et al. (2010) yang telah diubahsuai. Hal ini dilakukan kerana kajian ini memiliki persamaan pada tujuan kajian, namun pemboleh ubah yang dikaji adalah berbeza, iaitu kajian Vio Achfuda Putra bertujuan untuk mengetahui pengaruh dari kadar bunga pinjaman, kadar inflasi dan tingkat teknologi terhadap KDNK di Indonesia pada tempoh 1986 - 2008. Manakala, kajian Fatimah et al. (2010) bertujuan mengetahui pengaruh PLA dan perbelanjaan Kerajaan ke atas pertumbuhan ekonomi KDNK per kapita bagi tempoh 1978-2005. Kajian ini akan mengkaji kesan pembolehubah PLA dan POP terhadap KDNK pada harga semasa. Model analisis yang digunakan adalah kaedah regresi *ordinary least squares* (OLS). Kajian ini akan menggunakan metodologi kajian yang bersesuaian untuk menyelesaikan masalah kajian, sehingga matlamat kajian dapat diperolehi. Dalam model analisis ini akan dibentuk kerangka pemikiran, model regresi OLS serta ujian kesesuaian. Analisis regresi adalah kajian kebergantungan pembolehubah bersandar pada satu atau lebih pembolehubah lain, iaitu pembolehubah bebas (Gujarati 2006). Dalam analisis ini dilakukan dengan bantuan program *E-views 7.0* dengan tujuan untuk melihat pengaruh pembolehubah bebas terhadap pembolehubah bersandar. Untuk ujian hipotesis klasik akan menggunakan program SPSS for Windows® 19.0.

Sebelum melakukan interpretasi terhadap hasil regresi dari model yang akan digunakan, terlebih dahulu dilakukan pengujian terhadap hipotesis klasik. Hal ini dilakukan untuk mengetahui apakah model tersebut boleh dianggap sesuai atau tidak. Pengujian yang dilakukan meliputi ujian terhadap kewujudan mutikolineariti, heterokedastisiti dan autokorelasi. Selain itu, pengujian secara statistik juga akan dilakukan yang meliputi ujian signifikan serentak (Ujian F), ujian signifikan parameter individu (Ujian t), dan ujian koefisien determinasi (R^2).

Pemilihan hanya dua pembolehubah PLA dan POP dibuat kerana belum ada kajian lepas bagi mengkaji pelaburan langsung asing dan jumlah penduduk secara serentak khususnya bagi tempoh 1981-2010. Dengan adanya kajian yang dibuat secara serentak ini, maka ia boleh menjelaskan pembolehubah mana yang paling dominan dalam mempengaruhi pertumbuhan ekonomi. Model analisis regresi linear berbilang merupakan salah satu metodologi yang dirasa paling tepat dalam menyelesaikan permasalahan kajian. Analisis ini digunakan untuk mengetahui sejauh mana pengaruh secara serentak antara pelaburan langsung asing (PLA) (X_1) dan jumlah penduduk (POP) (X_2) terhadap KDNK di Malaysia. Persamaan regresi berbilang boleh ditulis sebagai berikut berikut:

$$Y = b_0 + b_1X_1 + \dots + b_nX_n + e_i$$

Sementara dalam kajian ini digunakan model:

$$KDNK = b_0 + b_1X_1 + b_2X_2 + e_i$$

Model Log Berganda:

$$\ln Y_t = \beta_0 + \beta_1 \ln X_1 + \beta_2 \ln X_2 + \mu$$

Dimana:

KDNK	=	Keluaran Dalam Negara Kasar
X_1	=	Pelaburan Langsung Asing (PLA)
X_2	=	Jumlah Penduduk (POP)
b_0	=	Konstan
$b_{1,2}$	=	Koefisien regresi
e_i	=	Ralat piawai

Berasaskan kajian teori dan kajian lepas di atas maka dapat diberikan hipotesis awal bagi kajian ini, di mana:

- (i) Menguji sama ada terdapat kesan yang signifikan antara kemasukan pelaburan langsung asing dan jumlah penduduk terhadap keluaran dalam negara kasar di Malaysia.
- (ii) Menguji sama ada secara separa (berasingan) pembolehubah pelaburan langsung asing memberi kesan yang signifikan terhadap pertumbuhan ekonomi di Malaysia.
- (iii) Menguji sama ada secara separa (berasingan) pembolehubah jumlah penduduk memberi kesan yang signifikan terhadap pertumbuhan ekonomi di Malaysia.
- (iv) Menguji sama ada secara separa (berasingan) pembolehubah pelaburan langsung asing memiliki kesan dominan dan signifikan terhadap pertumbuhan ekonomi di Malaysia.

Data yang digunakan dalam penelitian ini adalah data sekunder, berupa data siri masa tahunan dari tahun 1981 hingga 2010. Sumber data adalah *IMF International Financial Statistics Yearbook*, *IMF World Economic Outlook*, *UNCTAD Stats*, Jabatan Perangkaan Malaysia, dan Laporan Ekonomi Kementerian Kewangan Malaysia. Untuk memudahkan pemahaman terhadap istilah pemboleh ubah yang digunakan dalam kajian ini perlu diberikan batasan operasional sebagai berikut:

- (i) Keluaran dalam negara kasar (KDNK) ialah jumlah keluaran kasar yang dihasilkan seluruh unit perusahaan dalam wilayah tertentu, atau merupakan jumlah nilai barang dan perkhidmatan akhir yang dihasilkan oleh seluruh unit ekonomi di Malaysia (dalam satuan ribuan Ringgit Malaysia, RM000.00).
- (ii) Pelaburan langsung asing (PLA) ialah jumlah wang (modal) yang dilaburkan oleh syarikat atau perusahaan asing dalam bentuk fizikal untuk membangunkan produk di negara lain iaitu di Malaysia (dalam satuan ribuan Ringgit Malaysia, RM000.00).
- (iii) Jumlah penduduk (POP) ialah jumlah semua individu yang bermastautin di wilayah geografi Malaysia selama enam bulan atau lebih dan atau mereka yang bermastautin kurang dari enam bulan tetapi bertujuan menetap, dan di ukur dalam satuan individu atau orang.

DAPATAN KAJIAN

Keputusan empirikal membincangkan laporan hasil kajian dan analisis keputusan yang diperolehi. Persamaan regresi boleh dirumuskan berdasarkan kepada hasil analisis menggunakan *program E-Views 7.0* dan *SPSS for Windows 19.0*. Seterusnya dilakukan analisis determinasi berganda (R^2) untuk mengetahui pengaruh pembolehubah bebas terhadap pembolehubah bersandar secara bersama-sama. Dijelaskan pula hasil ujian hipotesis menggunakan ujian t dan ujian F sehingga diketahui pengaruh secara bersama-sama dan berasingan dari masing-masing pembolehubah. Dalam analisis juga dilakukan ujian autokorelasi dan multikolineariti serta heteroskedastisiti untuk melihat hubungan antara pembolehubah-pembolehubah bebas yang dapat mengganggu hasil keputusan kajian sehingga dapat dipastikan tidak wujudnya sembarang gangguan dalam kajian. Untuk menentukan persamaan regresi maka dilakukan pengolahan data dengan menggunakan program *E-Views 7.0*, sehingga memperoleh hasil seperti berikut:

Dari hasil perhitungan regresi linear berbilang pada Jadual 1 diperoleh persamaan regresi sebagai berikut:

$$LG_KDNK = 0.7995 + 0.0531LG_PLA* + 3.6581 LG_POP* + ei$$

Dari hasil penganggaran pada Jadual 1, maka dapat diketahui bahawa model ini telah mempunyai spesifikasi yang benar dan semua andaian asas OLS tidak dilanggar. *Intercept* yang dimiliki ternyata tidak berbeza dari 0 (nol) dan hal ini boleh dilihat melalui ujian t statistik. Analisis statistik ini digunakan untuk menjawab permasalahan yang diajukan, iaitu apakah pembolehubah PLA dan POP berpengaruh secara signifikan terhadap KDNK di Malaysia. Analisis Determinasi Berbilang (R^2) digunakan untuk mengukur sumbangan pembolehubah PLA dan POP terhadap KDNK.

Hasil analisis determinasi berbilang pada Jadual 2, diperolehi *R-squared* sebanyak 0.992 atau sebanyak 99.2%. Dengan demikian maka dapat diketahui bahawa kedua-dua pembolehubah bebas iaitu PLA dan POP mampu menjelaskan pembolehubah bersandar iaitu KDNK sebanyak 99.2%, sedangkan selebihnya 0.08% adalah pembolehubah lain yang tidak diamati atau merupakan *residual variable*. Hasil ini disokong oleh ujian F yang signifikan. Berdasarkan ujian koefisien regresi secara serentak (bersama-sama) menyatakan adanya pengaruh yang nyata (kadar signifikan $\alpha = 0.000^*$) antara pembolehubah bebas (PLA dan POP) terhadap pembolehubah bersandar (KDNK), yang ditunjukkan oleh nilai F_{hitung} lebih besar dari F_{tabel} iaitu $1648.049 > 3.35$ maka H_0 ditolak yang bererti bahawa terdapat pengaruh yang nyata (signifikan) antara pembolehubah bebas dan pembolehubah bersandar.

Ujian t digunakan untuk melihat darjah signifikan masing-masing pembolehubah (secara separa) antara PLA dan POP terhadap KDNK di Malaysia. Berikut akan ditunjukkan hasil perhitungan t_{hitung} berdasarkan darjah signifikan masing-masing pembolehubah bebas terhadap pembolehubah bersandar.

Pada Jadual 3(dibawah) diperolehi bahawa secara separa kedua-dua pembolehubah bebas berpengaruh secara signifikan terhadap pembolehubah bersandar (KDNK) iaitu pembolehubah PLA dan pembolehubah POP. Dikatakan berpengaruh secara signifikan kerana nilai $t_{hitung} > t_{tabel}$, iaitu untuk pembolehubah PLA t_{hitung} sebanyak 2.675 dan pembolehubah KDNK memiliki t_{hitung} sebanyak 43.524 sementara t_{tabel} sebanyak 2.051 dengan nilai signifikan masing-masing sebanyak 0.0125 untuk PLA dan 0.0000 bagi POP. Hasil ujian autokorelasi pada model yang diperlihatkan oleh nilai hitung statistik di (*Durbin-Waston*) sebanyak 0.5330 berada pada daerah penerimaan H_0 (tidak ada autokorelasi baik positif mahupun negatif) iaitu lebih besar dari $du = 1.41$ dan lebih kecil dari $U-du = 2.59$ pada darjah signifikan 0.01. Bererti, model ini tidak terdapat masalah autokorelasi sehingga hasil ujian t dan ujian F dapat dipercayai dari nilai yang sebenar. Hal ini menunjukkan bahawa model penganggaran di atas adalah efisien, konsisten dan tidak bias kerana tidak terdapat gangguan autokorelasi.

Dari hasil ujian, tidak ditemui masalah multikolineariti. Hal ini boleh dibuktikan dengan nilai korelasi antara pembolehubah yang satu dengan pembolehubah yang lain tidak melebihi nilai 0.85 (< 0.85). Selain itu, ada tidaknya multikolineariti dapat dilihat dengan nilai VIF < 10 , ertinya tidak terdapat multikolineariti pada kedua-dua pembolehubah termasuk nilai TOL yang lebih kecil dari 1. Begitu pula nilai *tolerance* mendekati 1 sehingga boleh disimpulkan juga tiada masalah multikollineriti. Masalah heteroskedastisiti biasanya di jumpai dalam data panel dan cross section, sementara data yang digunakan ialah data siri masa sehingga kemungkinan berlakunya heteroskedastisiti adalah kecil. Pengujian heteroskedastisiti dilakukan dengan menggunakan kemudahan yang telah tersedia dalam program *E-Views 7.0*, maka persamaan yang dianggarkan telah bebas dari masalah heteroskedastisiti. Hal ini disokong oleh ujian white (*white test*), dimana $nR^2 \geq X^2(k-1)$ iaitu $29.76 > 5.991$, ertinya tidak belaku heteroskedastisiti.

Pengujian hipotesis atas semua pembolehubah yang dikaji dimaksudkan untuk membuktikan apakah pembolehubah bebas pelaburan langsung asing dan jumlah penduduk berpengaruh signifikan, baik secara serentak mahupun secara separa terhadap pembolehubah bersandar KDNK, serta untuk mengetahui pembolehubah bebas manakah yang paling dominan. Bagi pembuktian terhadap hipotesis tersebut, berikut ialah hasil komputer data melalui program *E-Views 7.0*.

Analisis data pada bahagian ini dilakukan untuk menguji hipotesis 1, 2, 3 dan 4. Pengujian Hipotesis 1 dilakukan untuk mengetahui apakah pembolehubah bebas (PLA dan POP) berpengaruh secara serentak (bersama-sama) terhadap KDNK. Pengujian dilakukan melalui ujian F dengan signifikansi $F_{hitung} > F_{table}$. Berdasarkan Jadual 4.4 diperolehi F_{hitung} sebanyak 1648.049 dan F_{table} sebanyak 3.35 jadi boleh disimpulkan iaitu menolak H_0 kerana $F_{hitung} >$ dari F_{table} dengan nilai $1648.049 > 3.35$ dan ertinya adalah pembolehubah bebas berpengaruh secara serentak terhadap KDNK.

Pengujian Hipotesis 2, 3, dan 4 adalah untuk menguji pengaruh pembolehubah bebas mengikut pengaruh masing-masing pembolehubah terhadap pembolehubah bersandar. Dari hasil perhitungan data diperolehi bahawa secara separa terlihat bahawa kedua-dua pembolehubah bebas adalah berpengaruh secara signifikan terhadap pembolehubah bersandar KDNK. Ia dikatakan berpengaruh secara signifikan kerana nilai $t_{hitung} > t_{table}$, iaitu untuk pembolehubah PLA t_{hitung} sebanyak 2.675 dan pembolehubah KDNK memiliki t_{hitung} sebanyak 43.524 sementara t_{table} sebanyak 2.051 dengan nilai signifikan masing-masing sebanyak 0.0125 untuk PLA dan 0.0000 bagi POP. Data sekunder yang diperolehi diolah menggunakan bantuan program *E-Views 7.0* untuk melakukan pengujian regresi, kemudian diperolehi persamaan regresi berganda, seperti berikut:

$$LG_KDNK = 0.7995 + 0.0531LG_PLA* + 3.6581 LG_POP* + ei$$

Berdasarkan persamaan di atas pembolehubah pelaburan langsung asing dan jumlah penduduk memiliki pengaruh positif terhadap pertumbuhan KDNK.. Peningkatan satu peratus pelaburan langsung asing akan meningkatkan KDNK sebanyak 0.0531 peratus. Manakala, peningkatan satu peratus jumlah penduduk akan meningkatkan KDNK sebanyak 3.6581 peratus. Hal ini sesuai dengan teori yang menyatakan bahawa pelaburan langsung asing akan mempercepatkan pertumbuhan ekonomi sesebuah negara, kerana modal asing secara langsung memberi kesan kepada keluaran dalam sesebuah negara (Tulus, 2001). Todaro (2003) pula mengatakan, bahawa pertambahan jumlah penduduk akan memberi kesan pada keluaran sesebuah negara, hal ini kerana jumlah penduduk dianggap sebagai salah satu faktor keluaran (buruh) yang dapat menyumbang kepada pembangunan. Namun, Todaro (2003) juga

mengatakan jumlah penduduk yang tinggi, jika tidak digunakan secara maksimum boleh menjejaskan ekonomi, kerana boleh mengurangkan keluaran dalam negara kasar per kapita.

Pertumbuhan penduduk memberi pengaruh yang positif dan signifikan serta memberi pengaruh paling dominan terhadap kadar pertumbuhan. Ertinya jika berlaku pertambahan sejuta orang pada jumlah penduduk, maka pertumbuhan ekonomi akan meningkat sebanyak 3.65%. Hal ini berlaku kerana penduduk Malaysia yang terus bertambah dan diikuti oleh penguasaan kemahiran yang semakin tinggi, sehingga harga buruh di Malaysia menjadi relatifnya lebih tinggi dan hal ini sudah tentu akan memberi kesan positif kepada KDNK Malaysia. Dapat disimpulkan bahawa persamaan regresi menyatakan bahawa kedua-dua pembolehubah bebas pelaburan langsung asing dan jumlah penduduk memiliki koefisien regresi bertanda positif. Ini bererti bahawa jika kedua-dua pembolehubah bebas ini meningkat maka akan menyebabkan peningkatan pula (kesan positif) pada pertumbuhan ekonomi di Malaysia. Dan begitu juga sebaliknya, jika kedua-dua pembolehubah ini menurun maka akan menyebabkan penurunan pula pada pertumbuhan ekonomi di Malaysia. Kesimpulan yang dapat dirumuskan dalam kajian ini adalah sebagai berikut:

- (i) Berdasarkan perhitungan regresi linear berbilang menyatakan bahawa dari kedua-dua pembolehubah bebas (PLA dan POP) yang dikaji ternyata keduanya berpengaruh secara positif dan signifikan terhadap KDNK Malaysia.
- (ii) Dari hasil analisis determinasi berbilang, diperolehi R^2 sebanyak 0.992 atau sebanyak 99.2%. Dengan demikian maka dapat diketahui bahawa kedua-dua pembolehubah bebas iaitu PLA dan POP mampu menjelaskan pembolehubah bersandar iaitu KDNK sebanyak 99.2%, sedangkan bakinya 0.08% adalah pembolehubah lain yang tidak diamati atau merupakan *residual variable*.
- (iii) Berdasarkan ujian koefisien regresi secara serentak (bersama-sama) menyatakan adanya pengaruh yang nyata atau signifikan antara pembolehubah bebas (PLA dan POP) terhadap pembolehubah bersandar (KDNK), yang ditunjukkan oleh nilai F_{hitung} lebih besar dari F_{table} iaitu $1648.049 > 3.35$ dan ertinya adalah pembolehubah bebas berpengaruh secara serentak terhadap KDNK.
- (iv) Pengujian hipotesis melalui ujian t secara separa menunjukkan bahawa kedua-dua pembolehubah bebas adalah berpengaruh secara signifikan terhadap pembolehubah bersandar (KDNK) dan POP memberikan pengaruh yang paling dominan kepada kadar pertumbuhan.

Dengan demikian dari hasil analisis yang telah dilakukan, maka hipotesis yang dikemukakan adalah seperti berikut:

- (i) Bahawa pembolehubah PLA dan POP berpengaruh secara serentak dan signifikan terhadap kadar pertumbuhan KDNK dan terbukti dengan ujian determinasi dan ujian F yang positif.
- (ii) Andaian bahawa pembolehubah PLA memberi kesan yang positif dan signifikan terhadap kadar KDNK di Malaysia adalah benar. Hal ini ditunjukkan oleh analisis regresi yang positif dan ujian t (t-test) yang signifikan.
- (iii) Andaian bahawa pembolehubah POP memberi kesan yang positif dan signifikan terhadap kadar KDNK di Malaysia adalah benar, hal ini ditunjukkan oleh analisis regresi yang positif dan ujian t (t-test) yang signifikan.
- (iv) Andaian bahawa secara separa (berasingan) pembolehubah pelaburan langsung asing memiliki kesan dominan dan signifikan terhadap pertumbuhan ekonomi di Malaysia adalah salah, kerana pembolehubah POP adalah yang memberi kesan yang positif dan dominan terhadap KDNK.

KESIMPULAN DAN IMPLIKASI DASAR

Didapati bahawa hasil keputusan kajian boleh menjawab permasalahan kajian yang diajukan. Kedua-dua pembolehubah secara bersama-sama memberi sumbangan sebanyak 99.2% kepada pertumbuhan KDNK. Persamaan regresi menyatakan bahawa kedua-dua pembolehubah bebas PLA dan POP memiliki koefisien regresi bertanda positif dan kedua-dua pembolehubah secara serentak mempengaruhi KDNK. Ini bererti bahawa jika kedua pembolehubah bebas ini berlaku peningkatan maka akan menyebabkan peningkatan pula (kesan positif) pada pertumbuhan ekonomi Malaysia. Dan begitu pula sebaliknya, jika kedua pembolehubah ini berlaku penurunan maka akan menyebabkan penurunan pula pada pertumbuhan ekonomi di negara Malaysia. Jumlah penduduk ternyata memiliki pengaruh yang signifikan dan lebih besar (dominan) berbanding pelaburan langsung asing.

Daripada hasil kajian yang diperolehi maka boleh dirumuskan beberapa implikasi dasar bagi meningkatkan pertumbuhan ekonomi Malaysia. Antara implikasi dasar yang dicadangkan ialah

kerajaan hendaklah mengekalkan polisi pelaburan langsung asing yang relevan selain menggalakkan pelaburan langsung asing ke Malaysia dengan mengamalkan dasar pro-perniagaan. Dasar perniagaan yang sedia ada seperti liberalisasi sektor pembuatan dan perkhidmatan boleh juga dikembangkan ke sektor strategik lain yang telah dikenalpasti boleh bersaing di peringkat antarabangsa. Antara inisiatif yang sedang dilaksanakan oleh Kerajaan dalam menarik PLA ialah dengan memperkasakan peranan MIDA dan melabur dalam *talent recruitment* melalui *Talent Corp*. Walau bagaimanapun, penambahbaikan dari aspek menangani persepsi juga amat diperlukan bagi menambah keyakinan pelabur terhadap situasi semasa dan sebenar iklim ekonomi, sosial, politik dan persekitaran perundangan di Malaysia. *Sunset Policy* juga perlu diketengahkan oleh pihak kerajaan apabila mewujudkan dasar pelaburan supaya bersesuaian dengan keperluan Negara selain menggantikan polisi yang lapuk dan tidak berkesan.

Kerajaan hendaklah menggalakkan peningkatan jumlah penduduk kerana ia memberi sumbangan yang besar dan dominan kepada pertumbuhan ekonomi Malaysia. Usaha dan strategi bersesuaian seperti meningkatkan taraf kemahiran penduduk juga amatlah diperlukan. Dalam hal ini, pelbagai kaedah dan strategi boleh dilaksanakan melalui peningkatan kemahiran di institusi pengajian tinggi awam dan swasta dan meningkatkan latihan dan kursus di institusi kemahiran dan industri yang sedia ada. Dalam RMKE-10, kerajaan telah mewujudkan rangka kerja yang bersepadu bagi membangun dan mengekalkan modal insan bertaraf dunia memandangkan pembangunan modal manusia merupakan elemen kritikal dalam mentransformasikan Malaysia daripada sebuah negara berpendapatan sederhana ke negara berpendapatan tinggi. Pendekatan bersepadu ini juga boleh ditambah baik dengan melaksanakan pemantauan yang lebih berkesan di semua peringkat pelaksanaan kerana kerangka yang sedia ada tidak akan tercapai tanpa keupayaan pemantauan yang berkesan. Peranan pemantauan yang berterusan di peringkat pelaksanaan dalam menghasilkan penduduk yang berkualiti khususnya melalui pendidikan amatlah diperlukan agar program yang ingin dilaksanakan mencapai *outcome* yang dikehendaki.

Kerajaan dan sektor swasta hendaklah terus membuat penyelidikan dan pembangunan dalam pelaburan langsung asing. Ini kerana, Malaysia bukan sahaja bersaing dengan negara di Eropah dan Timur Tengah selain Asia dalam menarik minat pelabur. Penyelidikan dan pembangunan yang dibuat boleh dilaksanakan melalui kerjasama erat di antara pihak swasta yang berkemampuan dan berdaya saing dengan Kerajaan agar strategi yang dilaksanakan oleh syarikat swasta tersebut yang telah berjaya dalam menarik pelaburan langsung asing boleh diketengahkan ke peringkat nasional untuk dilaksanakan di peringkat yang lebih luas. Penyelidikan dan pembangunan yang terdapat di universiti juga boleh diselaraskan dengan mengadakan *match-making* dengan syarikat swasta tempatan dengan MNC agar peningkatan peralihan perpindahan teknologi dapat dioptimumkan sebaik mungkin dari MNC ke syarikat tempatan.

Akhir sekali, pelaburan langsung asing dalam industri berintensifkan tenaga dan kebergantungan kepada tenaga buruh tidak mahir sewajarnya dielakkan. Ini kerana, industri yang kebergantungannya terlalu tinggi terhadap penggunaan tenaga dikhuatiri menyumbang secara negatif khususnya ke atas alam sekitar melalui pencemaran sisa toksik dan udara yang tidak terkawal. Selain itu, pelaburan yang berintensifkan teknologi tinggi juga perlu diberi keutamaan agar pelaburan langsung asing tidak hanya menyediakan pekerjaan kepada sektor industri dengan gaji yang rendah. Dalam erti kata lain, pembuat dasar hendaklah selektif dalam meluluskan sesebuah cadangan pelaburan langsung asing agar usaha menarik pelaburan yang membawa negara ke rantaian nilai tambah yang tinggi tercapai, selain berjaya merealisasikan Wawasan 2020 ke arah negara berpendapatan tinggi dan maju menjelang 2020 berhasil.

RUJUKAN

- Arindam Banik & Pradip K. Bhaumik. 2006. *Aging population, emigration and growth in Barbados*, *International Journal of Social Economics* 33(11): 781-788.
- Boediono. 1985. *Teori pertumbuhan ekonomi*. Yogyakarta: Penerbit BPFE.
- Chien-Hsun Chen & Hsiu-Ling Wu. 2005. *Determinants of regional growth disparity in China's transitional economy*. *Journal of Economic Studies* 32(5): 406-419.
- Dennis A. Ahlburg. 1998. *Julian Simon and the Population Growth Debate*. *Population and Development Review* 24(2): 317-327.
- Dierk Herzer. 2010. *Outward FDI and Economic Growth*. *Journal of Economic Studies* 37(5): 476-494.
- Dunning, J. H. 1988. *The Eclectic Paradigm of International Production: A Restatement and Some Possible Extensions*. *Journal of International Business Studies* 19(1): 1-31.

- Fatimah Said, Zarinah Yusof, Saad Mohd Said & Ahmad Farid Osman. 2010. *Foreign Investment, Government Expenditure, and Economic Growth in Malaysia*. IJ MS 17 (1): 1-18.
- Fumitaka Furuoka. 2009. Population growth and economic development: New empirical evidence from Thailand. *Economics Bulletin* 29(1): 1-14.
- Fumitaka Furuoka & Qaiser Munir. 2010. Is population growth beneficial or detrimental to economic development? A new evidence from Pakistan. *Journal of Population and Social Studies* 18(2): 25-38.
- Gujarati & Damodar. 2006. *Ekonometrika Dasar*. Trans. Sumarno Zain. Jakarta: Penerbit Erlangga.
- Hymers S. H. 1970. *The Efficiency (contradictions) of Multinational Corporations*. *American Economic Review Papers and Proceedings* 60: 441-48.
- IMF. 2010. *International Financial Statistics Yearbook*. Washington DC: IMF
- Jhingan, M. L. 2000. *Ekonomi Pembangunan dan Perencanaan*. Jakarta: PT Raja Grafindo Persada.
- John Fayerweather. 1982. *Host Nation Attitudes Toward Multinational Corporations*. New York: Praeger Publisher.
- Jorge M. Andraz & Paulo M. M. Rodrigues. 2010. What causes economic growth in Portugal: Exports or inward FDI? *Journal of Economic Studies* 37(3): 267-287.
- Joseph L. C. Cheng, Min-Young Kim & Jin-Uk Kim. 2011. FDI, economic decline and recovery: Lessons from the Asian financial crisis. *The Multinational Business Review* 19(2): 120-132.
- Kuncoro, Mudrajad. 2006. *Dasar-dasar ekonomi pembangunan*. Jakarta: Erlangga
- Kuncoro, Mudrajad. 2004. *Metode kuantitatif: teori dan aplikasi untuk bisnis dan ekonomi Yogyakarta: YKPN*
- Kementerian Kewangan Malaysia. 2011. *Economic Report 2011/12*. Putrajaya: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
- Longyue Zhao & Yan Wang. 2009. China's pattern of trade and growth after WTO accession: Lessons for other developing countries. *Journal of Chinese Economic and Foreign Trade Studies* 2(3): 178-210.
- Malthus, Thomas Robert. 1826. *An essay on the principle of population*. Oxford: Oxford University Press
- M. M. Metwally. 2004. Impact of EU FDI on economic growth in Middle Eastern countries. *European Business Review* 16(4): 381-389.
- Muhammad Azeem Qureshi. 2009. Human development, public expenditure and economic growth: A system dynamics approach. *International Journal of Social Economics* 36(1/2): 93-104.
- Norlida Hanim, Wook Endut, Md. Zyadi Md. Tahir, Mohd Adib Ismail, Shahida Shahimi, Noreha Halid & Norain Mohd Asri. 2010. *Prinsip makroekonomi*, 335. Bangi: Penerbit UKM
- Palamalai Srinivasan, M. Kalaivani & P. Ibrahim. 2011. An empirical investigation of foreign direct investment and economic growth in SAARC nations. *Journal of Asian Business Studies* 5(2): 232-248.
- Parikshit K. Basu. 2007. Critical evaluation of growth strategies: India and China. *International Journal of Social Economics* 34(9): 664-678.
- Philippe Aghion. 2002. Schumpeterian growth theory and the dynamics of income inequality. *Econometrica* 70(3): 855-882.
- Pitelis, C. N. 1991. A theory of the (growth of the) transnational firm: A Penrosean Perspective. *Contribution to Political Economy* 19: 71-89.
- Paul Paudicina & Erik Peterson. 2012. The 2012 A. T. Kearney FDI Confidence Index. [cited 1 March 2012]. Available from www.atkearney.com; INTERNET
- Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. 2011. *Rancangan Malaysia Kesepuluh 2011-2015*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad
- Ricardo, D. 1817. *Principles of Political Economy and Taxation* 1: 6.
- Rusdy Hartung. 2006. Could developing countries take the benefit of globalisation? *International Journal of Social Economics* 33(11): 728-743.
- Shelby, D. Hunt. 2007. Economic growth: should policy focus on investment or dynamic competition? *European Business Review* 19(4): 274-291.
- Smith, Adam. 1776. *An Inquiry into the nature of the wealth of nations*. United Kingdom: W. Strahan and T. Cadell
- Solow, Robert M. 1988. Growth Theory and After. *American Economic Review, American Economic Association* 78(3): 307-17.
- Solow, R. M. 1970. *Growth Theory: An exposition*. Oxford: Oxford University Press
- Statistical Package for the Social Sciences Ver. 19 (SPSS for Windows 19.0) SPSS, Chicago.
- The Star. 2012. FDI hit RM33 billion, surpassing pre-crisis level, 22 Februari.

- Todaro, Michael, P. & Stephen C. Smith. 2003. Pembangunan ekonomi di dunia ketiga. Edisi Kelapan. Jakarta: Erlangga
- Tulus Tambunan. 2001. Transformasi ekonomi di Indonesia: Teori dan penemuan empiris. Jakarta: Erlangga
- UNCTAD. 2011. The shift towards services. New York: United Nations.
- Vio Achfuda Putra. 2010. Analisis pengaruh suku bunga kredit, PDB, inflasi, dan tingkat teknologi terhadap PMDN di Indonesia Periode 1986–2008, Program Pasca Sarjana. Fakultas Ekonomi, Universitas Diponegoro.
- Yamin, M. 1991. A reassessment of Hymer's contribution to the theory of the transnational corporation in C Pitelis and R Sugden (eds). The nature of the Transnational Firm. London: Routledge.
- Yijun Yuan, Yanying Chen and Lili Wang. 2010. Size of government and FDI: An empirical analysis based on the panel data of 81 countries. *Journal of Technology Management in China* 5(2): 176-184.
- Yusof Ismail, sunt. 2008. Dasar-Dasar Utama Kerajaan Malaysia. Kuala Lumpur: Penerbit A.S. Noordeen.
- Yunan. 2009. Analisis faktor-faktor yang mempengaruhi pertumbuhan ekonomi Indonesia. Thesis Pascasarjana, Universitas Sumatera Utara, Indonesia.
- Zhang, K. H. 2002. Why does China receive so much foreign direct investment? *China & World Economy* 3: 49-57.

JADUAL 1: Hasil Pengolahan Data Dengan Menggunakan Program *E-Views 7.0*

Variable	Coefficient	Std. Error	t-Statistic	Prob.
C	0.799572	0.200516	3.987580	0.0005
PLA	0.053084	0.019845	2.674902	0.0125
POP	3.658119	0.084047	43.52471	0.0000

Dependent Variable: LG_KDNK

Included observations: 30

JADUAL 2: Hasil Pengolahan Data Dengan Menggunakan Program *E-Views 7.0*
Model summary

<i>R-squared</i>	0.991875	<i>Mean dependent var</i>	12.26805
<i>Adjusted R-squared</i>	0.991273	<i>S.D. dependent var</i>	0.836455
<i>Log likelihood</i>	35.49007	<i>Hannan-Quinn criter.</i>	-2.121179
<i>F-statistic</i>	1648.049	<i>Durbin-Watson stat</i>	0.553035
<i>Prob(F-statistic)</i>	0.000000		

JADUAL 3: Hasil perhitungan t_{hitung} dan darjah signifikan masing – masing pembolehubah bebas

Variable	t-Statistic	Probability
PLA	2.674902	0.0125
POP	43.52471	0.0000

JADUAL 4: Hasil Pengolahan Data

Pembolehubah	B	T	Signifikan	Keterangan
<i>Intercept</i>	0.799572	3.987580	0.0005	
<i>LG_PLA</i>	0.053084	2.674902	0.0125	Signifikan
<i>LG_POP</i>	3.658119	43.52471	0.0000	Signifikan
<i>F-statistic : 1648.049</i> <i>R-squared : 0.991875</i> <i>Adjusted R-squared : 0.991273</i>			<i>F_{table} : 3.35</i> <i>Sig F : 0.000</i> <i>t_{table} : 2.051</i>	